

## Trend dalam Tipografi: Mengupas Perkembangan Terkini

Siti Azrehan Aziz  
*Fakulti Multimedia Kreatif & Komputeran*  
*Universiti Islam Selangor*  
[azrehan@uis.edu.my](mailto:azrehan@uis.edu.my)

### Abstrak

*Tipografi adalah salah satu aspek penting dalam reka bentuk grafik yang terus berkembang seiring dengan perubahan teknologi dan budaya. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan terkini dalam bidang tipografi dengan memberikan fokus kepada trend-trend utama yang sedang berlaku. Melalui pemerhatian terhadap sejarah evolusi tipografi, faktor-faktor yang mempengaruhi trend tipografi masa kini, dan analisis terperinci terhadap trend tipografi terkini, artikel ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang perubahan dan perkembangan tipografi dalam konteks digital dan globalisasi. Implikasi trend tipografi terhadap industri kreatif dan pengguna juga diperbincangkan dengan merangkumi cabaran dan peluang yang timbul dari perkembangan terkini dalam tipografi. Kesimpulannya, artikel ini memberikan pandangan yang holistik terhadap perkembangan terkini dalam tipografi serta merangka arah untuk penyelidikan yang lebih mendalam pada masa akan datang.*

**Kata Kunci:** Trend, tipografi, perkembangan terkini, evolusi tipografi, industri kreatif.

### 1. Pendahuluan

Tipografi adalah elemen penting dalam reka bentuk grafik dan komunikasi visual. Ia bukan sekadar tentang pemilihan huruf, tetapi juga mengenai cara huruf-huruf tersebut disusun dan diatur untuk menyampaikan mesej dengan efektif (AHFE international), (2003). Menurut Elizabeth, Stelow. (2022), sejak zaman Gutenberg hingga ke era digital hari ini, tipografi terus mengalami transformasi yang ketara, dipengaruhi oleh perkembangan teknologi, perubahan budaya, dan keperluan industri yang sentiasa berkembang. Oleh itu, melalui Lucia et.all. (2022) menyatakan, memahami trend dalam tipografi adalah penting untuk para pereka bentuk, penulis, dan profesional dalam bidang komunikasi visual untuk memastikan mesej mereka dapat disampaikan dengan tepat dan berkesan.

Dalam era digital, trend-tipografi berkembang dengan lebih pantas berbanding sebelum ini. Faktor seperti kebolehcapaian internet yang meluas, peningkatan penggunaan peranti mudah alih, dan perkembangan dalam perisian reka bentuk telah membuka peluang untuk perekabentuk melakukan inovasi dan eksperimen dalam tipografi. Font yang dahulu hanya boleh dilihat dalam bentuk cetakan kini boleh diakses dan digunakan secara digital, memungkinkan fleksibiliti yang lebih besar dalam reka bentuk. Ini memberi ruang kepada para pereka untuk mencipta gaya tipografi yang lebih dinamik dan interaktif.

Namun, dengan berkembang pesatnya teknologi sekarang ini, terdapat juga cabaran baru. Para pereka perlu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi yang pantas dan keutamaan kepada pengguna. Sebagai contoh, keperluan untuk memastikan kebolehbacaan dan kebolehcapaian di skrin kecil seperti telefon pintar telah mengubah cara huruf-huruf direka dan digunakan. Selain itu, perubahan dalam budaya dan estetika visual turut mempengaruhi pilihan tipografi, yang mana pereka grafik sering mencari inspirasi dari pelbagai sumber untuk mencipta gaya yang unik dan menarik. Artikel ini akan meneroka perkembangan terkini dalam dunia tipografi, evolusi tipografi yang berkembang dan menganalisis trend yang sedang popular serta implikasinya terhadap industri reka bentuk dan pengguna.

## 2. Sejarah dan evolusi tipografi

Tipografi merupakan seni dan teknik penyusunan huruf untuk membuat perkataan dapat dilihat dan dibaca dengan baik. Sejarah tipografi bermula seawal zaman purba, di mana penulisan di atas papyrus dan tablet tanah liat merupakan bentuk awal komunikasi bertulis. Namun, evolusi tipografi yang lebih jelas dan teratur mula muncul dengan penciptaan mesin cetak oleh Johannes Gutenberg pada pertengahan abad ke-15, Olha et al. (2023). Gutenberg memperkenalkan cetakan huruf bergerak yang membolehkan pencetakan buku dilakukan dengan lebih pantas dan murah, sekaligus merevolusikan cara maklumat disebarluaskan, (AHFE international), (2003).

Menurut Alexandre et al. (2023), pada abad ke-16 dan ke-17, tipografi berkembang pesat dengan penciptaan pelbagai jenis huruf baru yang lebih estetika dan mudah dibaca. Pada masa ini, pereka seperti Claude Garamond dan William Caslon memperkenalkan jenis huruf yang masih digunakan hingga ke hari ini. Abad ke-18 menyaksikan peningkatan dalam kebolehbacaan dengan reka bentuk huruf seperti *serif* yang lebih halus dan seimbang. Perkembangan ini terus berlanjutan hingga ke abad ke-19, di mana Revolusi Industri memperkenalkan teknologi percetakan yang lebih maju dan efisien.

Memasuki abad ke-20, tipografi mengalami perubahan besar dengan pengenalan huruf sans-serif oleh pereka seperti Herbert Bayer dan Jan Tschichold, yang menekankan kesederhanaan dan kejelasan dalam reka bentuk huruf. Gerakan Bauhaus memainkan peranan penting dalam mempopularkan konsep-konsep ini, yang terus mempengaruhi reka bentuk grafik dan tipografi hingga ke hari ini. Pada pertengahan abad ke-20, tipografi digital mula muncul dengan perkembangan komputer dan perisian reka bentuk, memberikan pereka lebih banyak kawalan dan fleksibiliti dalam mencipta dan mengatur huruf. (Radimira & Yordanova, 2022).

Dalam era digital sekarang, tipografi terus berevolusi dengan pantas. Teknologi seperti *web font*, *variabel font*, dan perisian reka bentuk canggih membolehkan pereka untuk bereksperimen dengan lebih bebas dan kreatif. Melalui Chao, Zheng & Yichen, Zeng (2023), trend terkini dalam tipografi sering dipengaruhi oleh perubahan teknologi, keperluan industri, dan pergeseran budaya. Sebagai contoh, peningkatan penggunaan peranti mudah alih dan keperluan untuk memastikan kebolehbacaan di skrin kecil telah mengubah cara huruf direka dan diaplikasikan. Dengan memahami sejarah dan evolusi tipografi, kita dapat menghargai kepentingan seni ini dalam komunikasi visual dan seterusnya mendorong inovasi dalam reka bentuk tipografi, (Jacques & André, 2023).

## 3. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Trend Tipografi

Trend dalam tipografi merangkumi pelbagai faktor iaitu teknologi, budaya, keperluan industri, dan evolusi estetik. Salah satu faktor utama adalah perkembangan teknologi. Menurut Liwen, He. (2021), dengan kemajuan dalam perisian reka bentuk seperti Adobe Creative Suite dan teknologi web seperti CSS dan variable fonts, pereka bentuk kini mempunyai alat yang lebih canggih dan fleksibel untuk bereksperimen dengan tipografi. Teknologi ini membolehkan penciptaan font yang lebih dinamik dan interaktif, serta memungkinkan integrasi tipografi yang lebih baik dalam platform digital seperti laman web dan aplikasi mudah alih.

Selain teknologi, budaya juga memainkan peranan besar dalam membentuk trend tipografi. Melalui Hongwei et al. (2022), perubahan dalam nilai-nilai sosial, gaya hidup, dan citarasa estetika masyarakat sering dilihat dalam reka bentuk huruf. Sebagai contoh, pergerakan minimalisme yang semakin popular telah membawa kepada penggunaan font *sans-serif* yang bersih dan sederhana. Di samping itu, kesedaran tentang inklusiviti dan kebolehcapaian telah mendorong penciptaan font yang lebih mudah dibaca dan mesra pengguna, termasuk font untuk disleksia dan keperluan khas lainnya. Budaya

tempatan juga memberi inspirasi kepada pereka untuk mencipta tipografi yang menggambarkan identiti dan warisan budaya tertentu.

Keperluan industri juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi trend tipografi. Dalam dunia pemasaran dan pengiklanan, tipografi digunakan untuk menarik perhatian dan menyampaikan mesej dengan jelas dan berkesan. Oleh itu, menurut Alexandre et al. (2023), perubahan dalam strategi pemasaran dan keutamaan industri boleh membawa kepada perkembangan trend tipografi yang baru. Sebagai contoh, industri *e-commerce* sering memerlukan tipografi yang menonjol dan menarik untuk meningkatkan penglibatan pengguna dan penjualan. Di sisi lain, melalui Elizabeth, Stelow. (2022), industri penerbitan mungkin lebih menekankan pada kebolehbacaan dan keanggunan dalam tipografi untuk memastikan pengguna yang membaca mudah dan menyenangkan.

Faktor terakhir adalah evolusi estetik. Menurut Manuel et al. (2020), evolusi estetik adalah faktor yang tidak boleh diabaikan. Trend dalam seni dan reka bentuk sentiasa berubah, dan ini tercermin dalam perkembangan tipografi. Pereka sering mencari cara baru untuk mencantikkan dan memperbaharui gaya huruf yang sedia ada iaitu dengan mengambil inspirasi dari pelbagai sumber seperti seni visual, fesyen, dan muzik. Eksperimen dengan warna, bentuk, dan tata letak huruf membawa kepada inovasi yang berterusan dalam dunia tipografi. Dengan memahami dan menggabungkan faktor-faktor ini, pereka dapat mencipta tipografi yang bukan sahaja memenuhi keperluan teknikal dan fungsinya, malah ia juga menarik dan relevan dengan konteks budaya dan industri semasa (Ashley & Mills, 2016).

## 4. Trend Terkini dalam Tipografi

### 4.1. Tipografi Responsif

Tipografi responsif semakin menjadi keperluan dalam dunia digital yang sentiasa berubah dengan cepat. Tipografi responsif adalah pendekatan dalam reka bentuk tipografi bagi memastikan teks pada laman web atau aplikasi kekal mudah dibaca dan kelihatan menarik di pelbagai peranti dan saiz skrin (Christopher et al. (2022)). Perkara ini boleh dicapai dengan mengubah saiz, skala, dan susun atur huruf mengikut dimensi skrin pengguna. (Radimira & Yordanova (2022)).

### 4.2. Tipografi Minimalis

Trend-tipografi minimalis semakin mendapat populariti dalam reka bentuk moden. Tipografi Minimalis merujuk kepada gaya reka bentuk tipografi yang menekankan kesederhanaan dan ketelitian, dengan menggunakan elemen-elemen tipografi yang asas dan meminimumkan elemen dekoratif. Ia melibatkan paparan telefon yang bersih, maksud yang disampaikan mudah difahami, dan sering kali tanpa dekoratif. Tujuan utama tipografi minimalis adalah untuk menyampaikan mesej dengan jelas dan efektif tanpa kesalahfahaman atau gangguan visual yang tidak perlu. (Patrick & Nickleson (2023))

### 4.3. Tipografi Berinspirasi Vintage

Tipografi berinspirasi vintage menjadi satu trend yang semakin mendapat perhatian dalam dunia reka bentuk. Menurut Radimira & Yordanova (2022), tipografi Berinspirasi Vintage merujuk kepada gaya reka bentuk tipografi yang menarik inspirasi dari zaman lampau, khususnya era retro atau vintage. Gaya ini sering kali melibatkan penggunaan huruf yang mengingatkan pada desain tipografi dari era tertentu, seperti 1960-an atau 1970-an, dengan ciri-ciri seperti kesan tangan-tulis, penggunaan huruf serif yang klasik, atau elemen dekoratif yang mengingatkan pada cetakan lama atau poster zaman dahulu. Tujuan tipografi ini adalah untuk menciptakan suasana nostalgia dan memberikan sentuhan klasik atau retro pada reka bentuk secara keseluruhan.

#### 4.4. Kreativiti dalam Tipografi

Kreativiti dalam tipografi merupakan aspek penting dalam mencipta reka bentuk yang unik dan menarik. Kreativiti dalam tipografi merujuk kepada penggunaan yang inovatif dan eksperimental dalam reka bentuk huruf. Ia melibatkan penggunaan huruf-huruf dengan cara yang tidak konvensional atau yang tidak dijangkakan, kebiasaannya untuk menyampaikan mesej atau mengekspresikan konsep yang lebih kompleks. Beberapa contoh kreativiti dalam tipografi termasuk penggunaan huruf dalam bentuk-bentuk yang tidak biasa, penyesuaian huruf, penggabungan elemen-elemen grafik dengan tipografi, dan penggunaan efek visual atau tekstur unik untuk menarik perhatian. Kreativiti dalam tipografi memainkan peranan penting dalam menarik minat dan menyampaikan mesej dengan cara yang menarik dan berkesan. (Olha et al. (2023)).

### 5. Implikasi Terhadap Industri dan Pengguna

Reka bentuk grafik dan industri seni digital mengalami perubahan estetik yang ketara disebabkan oleh evolusi trend tipografi seperti yang dibincangkan dalam pelbagai kertas penyelidikan. Menurut Ankit & Punia (2023), pereka bentuk mesti terus mengemas kini pengetahuan mereka tentang trend ini untuk mencipta reka bentuk yang menarik dan relevan secara visual untuk pelanggan. Trend tipografi baru bukan sahaja menawarkan kemungkinan untuk eksperimen kreatif dan inovasi dalam reka bentuk tetapi juga membuka pintu untuk meneroka idea dan konsep baru. Untuk kekal kompetitif dalam industri yang berkembang pesat ini, pereka perlu mengembangkan kepakaran dalam menggunakan pelbagai gaya tipografi dengan berkesan, seperti yang diketengahkan dalam penyelidikan. Jacques & André (2023) menyatakan, dengan berkembangnya perubahan ini sekaligus dapat mengasah kemahiran mereka dalam pendekatan tipografi yang pelbagai, pereka boleh meningkatkan kreativiti, menyampaikan reka bentuk yang menarik dan memenuhi permintaan landskap seni digital.

Tipografi memainkan peranan penting dalam persekitaran digital dengan meningkatkan penglibatan pengguna, dengan cara menguatkan mesej yang disampaikan, penjenamaan (*branding*) yang baik, dan meningkatkan kebolehbacaan, (Eduardo et al. (2019)). Menurut Steve & Barth (2008), pendemokrasian penerbitan kendiri dan penggunaan kandungan dalam talian telah menjadikan tipografi lebih penting daripada sebelumnya, dengan keupayaannya untuk menyampaikan idea dengan berkesan dan berhubung dengan penonton pada tahap yang lebih mendalam, Manakala, menurut Laura & Franz. (2011) pula, dengan mengikuti prinsip tipografi dan memilih telefon yang sesuai, pereka boleh membuat hierarki maklumat, menyusun kandungan, dan membina storan telefon untuk memastikan kebolehbacaan dan akhirnya meningkatkan pengalaman pengguna secara keseluruhan,. Selain itu, Stephen et al. (2021) menyatakan, penyepaduan elemen visual dan teks melalui tipografi dalam media digital bukan sahaja membantu pemahaman tetapi juga menyumbang kepada kejayaan pengkomersialan jenama dengan membezakannya dari pesaing dan meningkatkan penglibatan pengguna,

Pengalaman visual yang lebih menarik, kebolehbacaan yang meningkat, identifikasi jenama yang lebih kukuh, dan respons emosional adalah beberapa implikasi utama rekabentuk tipografi terhadap pengguna. Dalam konteks media digital dan cetak, perekabentuk perlu mempertimbangkan trend-tipografi yang dipilih untuk memastikan konten yang efektif dan menarik bagi pengguna.

### 6. Kesimpulan

Kesimpulannya, artikel ini menawarkan pandangan yang menyeluruh tentang perkembangan terkini dalam bidang tipografi, dengan melihat kepada evolusi sejarahnya, faktor-faktor yang mempengaruhi trend masa kini, serta analisis terhadap trend terkini. Dalam konteks digital dan globalisasi, perubahan dalam tipografi membawa implikasi penting bagi industri kreatif dan pengguna, iaitu menghasilkan pelbagai cabaran dan peluang. Selain daripada faktor, trend dan implikasi yang dinyatakan, artikel ini juga menekankan kepentingan memahami perubahan ini dan menggariskan arah untuk penyelidikan masa depan yang lebih mendalam dalam bidang tipografi.

## Rujukan

- Elizabeth, Stelow. (2022). History of Typography.
- (2023). Research of the Typography Design for Digital Reading on Mobile Devices. (AHFE international)
- Lucia, Miškulin, Saletović. (2022). Text Types and Typographic Design.
- Olha, Merie., Ruslan, Halyshych., S.V., Vnukova. (2023). Typography of slogans in commercial advertising on the territory of ukraine.
- Alexandre, Catarino, Oliveira, Martins., Bruno, Silva. (2023). Como se constrói uma casa: moving and interactive typography in digital and audio-visual environments.
- Radimira, Yordanova. (2022). Typography and Letter. Introduction and Essence.
- Chao, Zheng., Yichen, Zeng. (2023). The application of digital art in experimental font design. AHFE international.
- Jacques, André. (2023). Prehistory of digital fonts.
- Liwen, He. (2021). Research on Font Design and Communication Based on Computer Technology.
- Hongwei, Hu., Wenyao, Zhu. (2022). Font Design Optimization Model for New Media Short Video Based on Virtual Reality Digital Processing Technology.
- Manuel, Muehlbauer, Jane, Burry., Andy, Song. (2020). An Aesthetic-Based Fitness Measure and a Framework for Guidance of Evolutionary Design in Architecture.
- Ashley, Mills. (2016). Animating Typescript Using Aesthetically Evolved Images.
- Ankit, Punia. (2023). Graphic Design and Manufacturing of Enterprise Art Products Based on Machine Learning and 5G Network.
- Jacques, André. (2023). Prehistory of digital fonts.
- Eduardo, Napoleão., Gilson, Braviano., Pedro, Amado., Maria, José, Baldessar. (2019). A relationship between typography, designers and users to build a creative experience in the digital culture.
- Steve, Barth. (2008). Digital Designs: A LOOK AT THE ROLE OF REAL TYPOGRAPHIC DESIGN IN EFFECTIVE CONTENT DELIVERY.
- Laura, Franz. (2011). Typographic Web Design: How to Think Like a Typographer in HTML and CSS.
- Stephen, T., F., Poon. (2021). Typography Design's New Trajectory Towards Visual Literacy for Digital Mediums.
- Christopher, Hammerschmidt., Dominique, Leite, Adam. (2022). From pen to movable type.
- Radimira & Yordanova. (2022). Typography and Letter. Introduction and Essence.
- Patrick, Nickleson. (2023). The Names of Minimalism.